

## FAQ BERDASARKAN SITUASI SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

### 1) PENYELIAAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Adakah terdapat perubahan masa terhadap tarikh akhir penghantaran <i>softcopy</i> Kertas Projek untuk semakan Turnitin pada semester ini?	Ya, terdapat perubahan masa tarikh akhir penghantaran <i>softcopy</i> Kertas Projek untuk semakan Turnitin. Sila rujuk pindaan Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.
2	Adakah terdapat perubahan masa terhadap tarikh akhir serahan Kertas Projek ke Fakulti pada semester ini?	Ya, terdapat perubahan masa tarikh akhir serahan Kertas Projek ke Fakulti. Sila rujuk pindaan Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.
3	Adakah terdapat perubahan masa terhadap tarikh akhir pengisian Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) secara <i>online</i> pada semester ini?	Ya, terdapat perubahan masa tarikh akhir pengisian Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) secara <i>online</i> . Sila rujuk pindaan Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.
4	Adakah terdapat perubahan masa terhadap tarikh akhir serahan disertasi/ tesis awal ke IPS pada semester ini?	Ya, terdapat perubahan masa tarikh akhir serahan disertasi/ tesis awal ke IPS. Sila rujuk pindaan Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.
5	Adakah saya akan memperoleh status Kurang Memuaskan (KM)/ Tidak Memuaskan (TM) pada semester ini sekiranya saya tidak sempat memenuhi keperluan menghadiri pembentangan proposal pelajar lain serta tidak sempat membuat pembentangan proposal disebabkan PKP?	Pihak IPS akan memberi kelonggaran kepada pelajar yang sepatutnya menghadiri pembentangan proposal pelajar lain dan/ atau membuat pembentangan proposal pada semester ini dengan tidak memberikan status 'Kurang Memuaskan/ Tidak Memuaskan' dengan syarat pelajar wajib membuat pengisian Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) dan dinilai status Memuaskan oleh penyelia.
6	Saya mendapat e-mel memaklumkan jilid keras bagi kertas projek program Sarjana saya perlu dihantar dalam tempoh PKP. Adakah tarikh penghantaran akan dilanjutkan?	Mohon berhubung dengan pihak fakulti (melalui e-mel) memandangkan pengurusan Kertas Projek adalah di bawah fakulti sepenuhnya.

7	Adakah Mesyuarat Viva akan dilaksanakan dalam tempoh PKP? Sekiranya tidak, bilakan tarikh Mesyuarat Viva saya akan dibuat?	Mesyuarat Viva tidak akan dilaksanakan sepanjang tempoh PKP. Mesyuarat Viva akan diaturkan setelah tempoh PKP berakhir dan ditentukan berdasarkan kesediaan ( <i>availability</i> ) pemeriksa luar dan pemeriksa dalam. Sebarang pertanyaan boleh disalurkan ke e-mel <a href="mailto:uppp.ips@upsi.edu.my">uppp.ips@upsi.edu.my</a>
8	Saya bercadang membuat pembentangan proposal setelah tempoh PKP berakhir. Apakah prosedur untuk membuat pembentangan berkenaan?	Pengurusan dan pelaksanaan pembentangan proposal adalah di bawah fakulti. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, pelajar boleh membuat semakan dengan fakulti masing-masing melalui e-mel yang boleh didapati di laman sesawang fakulti.
9	Adakah saya boleh mendapatkan surat pengesahan kajian luar/ surat pengesahan kajian dalam dan lain-lain yang terdapat dalam MyUPSI Portal sepanjang tempoh PKP?	Pelajar boleh membuat permohonan surat-surat pengesahan yang terdapat di dalam MyUPSI Portal. Namun pihak IPS akan mengeluarkan surat tersebut setelah tempoh PKP berakhir memandangkan cetakan surat bersama <i>letter head</i> perlu dilakukan. Pelajar boleh mendapatkan maklumat status surat yang diperlukan tersebut melalui e-mel <a href="mailto:uppp.ips@upsi.edu.my">uppp.ips@upsi.edu.my</a> dengan menyatakan nombor matrik dan nama pelajar setelah tempoh PKP berakhir.
10	Saya telah menjalani sesi Viva dan tarikh penghantaran pembedulan tesis/ disertasi adalah dalam tempoh PKP. Adakah tarikh penghantaran pembedulan tersebut kekal atau dipinda setelah PKP?	Pihak IPS memberi kelonggaran kepada pelajar untuk membuat penghantaran pembedulan tesis/ disertasi setelah tempoh PKP berakhir (selewat-lewatnya 30 hari setelah tempoh PKP tamat). Pelajar yang mempunyai kekangan untuk menghantar pembedulan tesis/ disertasi dalam tempoh yang dinyatakan di atas perlu membuat surat permohonan pelanjutan tempoh pembedulan tesis/ disertasi dan kelulusan adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
11	Adakah proses penyelidikan saya sebagai pelajar Sarjana Mod Penyelidikan/ PhD boleh diteruskan setelah tamat tempoh PKP memandangkan sesi PdP hanya akan disambung pada 1 Jun 2020 berdasarkan pindaan Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah?	Proses penyelidikan boleh terus dilaksanakan mengambil kira pelajar boleh berhubung secara terus dengan penyelia melalui medium seperti email, skype dan sebagainya. Namun tarikh-tarikh penting proses penyelidikan (seperti pengisian LKPS, serahan tesis awal) perlu dirujuk pada pindaan Takwim Akademik yang terkini.

		Sekiranya pelajar perlu menggunakan makmal untuk menjalankan penyelidikan setelah tamat tempoh PKP, perakuan daripada penyelia dan fakulti perlu diperoleh dahulu.
12	Adakah sehingga 1 Jun 2020 segala urusan yang berkaitan dengan Penghantaran Borang/ Pembentangan Proposal/ Pembentangan Dapatan Kajian dan sebagainya juga turut ditunda?	Semua tempoh berkaitan proses penyelidikan pelajar adalah dipinda (dengan tidak mengambil kira tempoh Perintah Kawalan Pergerakan). Pihak IPS mengambilkira arahan pihak kerajaan dan KPT. Jika PKP ditamatkan selepas 14 April 2020, pelajar boleh menjalankan penyelidikan seperti biasa dan tidak perlu menunggu sehingga 01 Jun 2020. Bagi pelajar Sarjana dan PhD, anda digalakkan untuk menulis tesis di tempat tinggal masing-masing dan boleh berinteraksi dengan Penyelia melalui e-mel/whatsapp dan lain-lain medium. Sila rujuk pindaan Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah terkini untuk maklumat pindaan tarikh di laman sesawang IPS.
13	Apakah proses untuk pemeriksaan ketulenan (Turnitin) tesis/ disertasi/ kertas projek turut ditunda? Jika Ya, apakah justifikasi atas keputusan berkenaan. Sedangkan ianya hanya dilakukan di atas talian.	Ya, pemeriksaan tesis/ disertasi/ kertas projek menerusi perisian Turnitin turut dipinda dan hanya akan diproses setelah tempoh PKP berakhir. Hal ini kerana pemeriksaan tesis/ disertasi/ kertas projek menerusi Turnitin memerlukan akses internet dengan kelajuan yang tinggi serta melibatkan carian di pangkalan data daripada seluruh dunia.
14	Adakah penghantaran notis awal tesis/ disertasi bagi pelajar Sarjana Mod A dan Mod B serta PhD hanya boleh dilakukan selepas 1 Jun?	Proses penghantaran notis awal tesis/ disertasi boleh dibuat ke IPS setelah tempoh PKP tamat. Sekiranya pelajar bercadang untuk membuat penghantaran notis dalam tempoh PKP, pelajar perlu menghantar borang berkaitan ke penyelia melalui e-mel. Seterusnya penyelia memberi perakuan dan perlu memajukan borang tersebut ke Fakulti bagi proses penamaan cadangan pemeriksa. Seterusnya Fakulti boleh memajukan borang yang telah lengkap diisi ke IPS melalui e-mel <a href="mailto:uppp.ips@upsi.edu.my">uppp.ips@upsi.edu.my</a>
15	Proses kutipan data oleh pelajar turut terjejas disebabkan PKP. Adakah pelajar dibolehkan untuk menangguhkan semester?	Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah pada semester ini telah dipinda dengan memanjangkan tempoh semester tanpa mengambil kira tempoh PKP. Oleh itu pelajar boleh meneruskan proses kutipan data setelah PKP berakhir.

16	<p>Saya adalah pelajar semester akhir. Bilakah tarikh akhir untuk saya menghantar tesis awal?</p>	<p>Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah pada semester ini telah dipinda dengan memanjangkan tempoh semester tanpa mengambil kira tempoh PKP. Oleh itu, tarikh akhir untuk menghantar tesis adalah pada 30 Ogos 2020 (tertakluk kepada pindaan). Sekiranya pelajar masih belum menghantar borang notis, pelajar dikehendaki menghantar borang notis bersekali dengan tesis kepada pihak fakulti sebelum tarikh akhir yang dinyatakan. Pastikan semakan Turnitin juga dibuat sebelum pelajar mencetak 6 salinan/ 7 salinan tesis.</p>
17.	<p>Adakah pengeluaran Surat Pengesahan Senat yang menyatakan saya telah tamat Sarjana/ PHD akan tertangguh dalam tempoh masa yang lama?</p>	<p>Surat Pengesahan Senat akan dikeluarkan setelah tempoh PKP berakhir tertakluk kepada Mesyuarat JPS &amp; Mesyuarat Senat. Tempoh PKP tidak akan diambil kira dalam tempoh pengajian pelajar.</p>

## 2) PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Adakah terdapat perubahan masa terhadap minggu peperiksaan yang terdapat dalam Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah?	Ya, minggu peperiksaan mempunyai perubahan masa selaras dengan penutupan operasi UPSI dan penghentian sesi PdP semasa tempoh PKP. Minggu peperiksaan terkini boleh dirujuk pada pindaan Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.
2	Bilakah Sesi Istiadat Konvokesyen pada tahun ini akan diadakan?	Sesi Istiadat Konvokesyen UPSI pada tahun ini masih belum diputuskan. Sebarang maklumat terkini akan dihebahkan di laman sesawang IPS.
3	Bolehkan Surat Tamat Pengajian dan Transkrip Akademik dihantar melalui e-mel terlebih dahulu?	Surat Tamat Pengajian dan Transkrip Akademik hanya akan dihantar melalui e-mel/ pos selepas tamat tempoh PKP.
4	Dimanakah saya boleh dapatkan keputusan peperiksaan kerana keputusan tidak boleh dimuat turun dari sistem emysis.upsi.edu.my?	Pelajar boleh mendapatkan keputusan peperiksaan dengan menyatakan maklumat permohonan berserta nama dan no. matrik ke e-mel IPS iaitu <a href="mailto:uppp@upsi.edu.my">uppp@upsi.edu.my</a>

## 3) TAKWIM AKADEMIK

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah justifikasi pihak Universiti menyambung semula minggu PdP pada 1 Jun 2020 memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diarahkan oleh pihak kerajaan (buat masa ini) adalah sehingga 14 April 2020 sahaja?	Penangguhan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sehingga 1 Jun 2020 adalah selaras dengan Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 28 Mac 2020 yang menyarankan semua Universiti Awam menyambung Semester 2 Sesi 2019/2020 selewat-lewatnya pada 1 Jun 2020. Penetapan 1 Jun 2020 juga dibuat bagi memastikan pergerakan semula pelajar ke kampus adalah secara berfasa dan berhemah.

#### 4) UNIT KEMASUKAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Tarikh pendaftaran yang saya terima adalah pada 16 Mac hingga 2 April tetapi tempoh PKP telah dilanjutkan sehingga 14 April dan mungkin akan dilanjutkan. Bagaimanakah untuk saya mendaftar sebagai pelajar baharu bagi semester ini?	Sepanjang tempoh PKP ini, proses kemasukan boleh dibuat secara atas talian, iaitu dengan menghantar dokumen-dokumen yang diperlukan melalui e-mel admission.ips@upsi.edu.my setelah membuat pembayaran yuran.
2.	Saya telah berjaya mendapat tawaran kemasukan ke UPSI bagi mod Kerja Kursus. Namun, saya ingin memohon untuk menanggungkan kemasukan pada semester ini dan mendaftar pada semester depan iaitu pada sesi kemasukan September 2020 kerana saya telah ketinggalan beberapa minggu kuliah? Adakah dibenarkan?	<p>Ya, disebabkan semester ini telah empat minggu berjalan, pelajar perlu menanggungkan kemasukan. Sila sertakan surat penanggungkan kemasukan melalui e-mel penawaran yang diterima sebelum ini. Surat maklum balas akan diemelkan kepada calon pelajar berkenaan.</p> <p>Namun, jika pelajar Mod Penyelidikan (Mod A) atau Phd, pelajar boleh meneruskan pendaftaran tetapi tidak perlu mendaftarkan kursus Kaedah Penyelidikan. Kursus berkenaan boleh diambil sebelum bergraduasi.</p>
3.	Bolehkah saya membuat permohonan kemasukan Pengajian Siswazah sepanjang tempoh PKP ini ?	Ya, anda boleh memohon seperti biasa untuk Kemasukan September 2020. Pihak IPS tetap akan memproses permohonan anda seperti biasa. Tarikh tutup bagi Kemasukan September akan ditutup pada Ogos 2020.

#### 5) UNIT PENKULIAHAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah saya perlu membayar denda lewat daftar kursus dan semester sepanjang PKP ini?	Sepanjang PKP ini, semua denda adalah dikecualikan.

2.	Saya mengalami masalah untuk memasuki ONLINE STUDENT SERVICE, ia menunjukkan saya mempunyai bayaran tertunggak. Bagaimana untuk saya mendaftarkan kursus kerana saya tidak boleh mendaftarkannya sendiri.	Semua pendaftaran kursus selepas minggu ketiga pengkuliahkan akan dibuat oleh pihak IPS setelah pelajar membayar denda yang telah ditetapkan. Namun, disebabkan semester ini denda berkenaan telah dikecualikan, pelajar perlu emelkan resit bayaran ke e-mel ezma@upsi.edu.my dan zaliza@upsi.edu.my untuk pihak IPS mendaftarkan kursus berkenaan.
3.	Saya ingin memohon menangguhkan pengajian disebabkan saya masih di luar negara dan tidak dapat balik ke Malaysia kerana telah <i>lockdown</i> . Apakah yang patut saya lakukan?	Bermula Februari 2020, semua permohonan penangguhan pengajian dan menarik diri perlu dibuat secara atas talian di portal pelajar masing-masing.
4.	Bilakah tarikh akhir untuk membuat rayuan meneruskan pengajian kerana saya telah mendapat notis pemberhentian dari pihak IPS?	Permohonan rayuan meneruskan pengajian adalah tiga (3) minggu daripada tarikh notis pemberhentian daripada pihak IPS. Mohon untuk melengkapkan borang Rayuan Meneruskan Pengajian.
5.	Saya ingin membuat penangguhan pengajian atas beberapa faktor dan saya telah memohon melalui MyUPSI Portal. Namun, saya mempunyai kemusykilan berkaitan baki hutang saya, sedangkan pembayaran penuh semester lepas telah dibuat.	Permohonan penangguhan pengajian perlu dibuat sebelum minggu ke7 pengkuliahkan agar yuran berkenaan boleh dibawa ke semester hadapan. Permohonan penangguhan akan diluluskan selepas semua proses di peringkat Fakulti, Perpustakaan dan Jabatan Bendahari telah selesai. Pihak kami akan memaklumkan keputusan penangguhan melalui e-mel yang berdaftar di portal pelajar.
6.	Saya pelajar Phd semester 4. Bagi semester ini, saya membuat pembayaran yuran melalui KWSP, tetapi proses tersebut mengambil masa selama 3 minggu. Kemudian, tempoh PKP pula dilaksanakan dan ambil masa yang lebih lama. Semester ni saya belum lagi mendaftar sebab yuran belum selesai. Boleh ke tempoh pendaftaran dilanjutkan tanpa dikenakan denda?	Permohonan akan disemak bersama Jabatan Bendahari terlebih dahulu. Selepas mendapat maklum balas dan pihak IPS boleh mendaftarkan kursus Tesis berkenaan. Pendaftaran tidak boleh dilanjutkan kerana jika lewat dibuat, pada minggu ke-8 pengkuliahkan pelajar boleh diberhentikan.
7.	Saya merupakan seorang pelajar sarjana semester 4. Saya terlupa daftar kursus kerana saya lambat membayar yuran disebabkan masalah kewangan. Saya tidak tahu bagaimana untuk mendaftar kursus selepas ini kerana IPS tutup kerana PKP.	Sepanjang tempoh PKP ini, staf IPS akan Bekerja Dari Rumah. Setelah dibuat semakan, jika tiada masalah kewangan, pihak IPS akan mendaftarkan Tesis pelajar kerana denda lewat daftar kursus/semester telah dikecualikan.

8.	Saya telah diberhentikan pengajian. Bagaimanakah untuk saya menghantar borang meneruskan pengajian kerana pejabat IPS ditutup?	Pelajar boleh menghantarkan borang yang telah lengkap melalui e-mel ezma@upsi.edu.my dan farhana@upsi.edu.my untuk tindakan kami selanjutnya. Permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel berkenaan.
9.	Saya merupakan pelajar Mod Kerja Kursus, bagaimanakah dengan kuliah saya sepanjang PKP ini?	Mengikut Pekeliling Naib Canselor Bil 3/2020, sepanjang tempoh PKP ini, tiada sebarang pergerakan pelajar dan kakitangan dibenarkan. Sehubungan itu, cuti pertengahan semester akan bermula sepanjang tempoh PKP ini. Pelajar perlu kekal berada di mana premis pelajar berada. Sila rujuk pindaan Takwim Akademik Program Pengajian Siswazah yang terdapat di laman sesawang IPS.
10.	Adakah saya dibenarkan pulang kerana kuliah telah dibatalkan?	Bagi pelajar yang masih berada di kampus (kolej kediaman, rumah sewa atau kediaman peribadi yang lain) perlu <b>KEKAL</b> berada di premis tersebut dan <b>TIDAK DIBENARKAN</b> kembali ke kampung halaman walaupun bagi pelajar yang telah membeli tiket pengangkutan
11.	Bagaimanakah dengan pelajar antarabangsa?	Pelajar antarabangsa <b>DIBENARKAN</b> untuk pulang ke negara asal masing-masing tetapi <b>TIDAK DIBENARKAN</b> kembali ke Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan, atau apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Pelajar antarabangsa yang tidak pulang perlu <b>KEKAL</b> berada di dalam kampus (kolej kediaman, rumah sewa atau kediaman peribadi yang lain) masing-masing. Para pelajar hendaklah melaporkan kepada pihak Kolej dan Pusat Antarabangsa Dan Mobiliti (IMC).